

## **Isa di hadapan Majlis Agama**

**Petikan dari Kitab Injil: [Markus 14:53-65.](#)**

<sup>53</sup>Isa dibawa kepada Imam Besar. Bersamanya berhimpun semua ketua imam, tua-tua, dan guru-guru Taurat. <sup>54</sup>Petrus mengikut Isa dari jauh, turut masuk ke laman dalam rumah Imam Besar, dan duduk di kalangan hamba-hamba, berdiang di situ.

<sup>55</sup>Ketua-ketua imam dan semua ahli Majlis Agama berusaha mencari kesaksian untuk mendakwa Isa, tetapi tidak berjaya. <sup>56</sup>Ramai yang memberi kesaksian palsu terhadap-Nya, tetapi kesaksian mereka semua bercanggah.

<sup>57</sup>Kemudian beberapa orang bangkit memberi kesaksian palsu terhadap-Nya dengan berkata, <sup>58</sup>‘Kami telah mendengar Dia berkata, “Aku akan membinasakan rumah ibadat yang diperbuat dengan tangan ini, dan dalam tiga hari Aku akan membina rumah ibadat yang diperbuat tanpa tangan.”’  
<sup>59</sup>Tetapi kesaksian mereka masih bercanggah.

<sup>60</sup>Imam Besar bangkit berdiri di tengah-tengah kesaksian itu lalu bertanya kepada Isa, ‘Tidakkah Kamu mahu menjawab apa-apa? Apakah yang disaksikan oleh mereka ini terhadap-Mu?’ <sup>61</sup>Tetapi Isa berdiam diri, tidak menjawab sepatah pun.

Imam Besar itu bertanya lagi kepada-Nya, ‘Adakah Kamu al-Masih, Putera Allah Maha Suci?’

<sup>62</sup>Isa menjawab, ‘Ya, Akulah Dia. Kamu akan melihat Putera Insan duduk di kanan Allah Maha Kuasa, dan datang dengan awan syurga.’

<sup>63</sup>Imam Besar lalu mengoyak-ngoyakkan pakaianya sambil berkata, ‘Adakah kita perlukan saksi lagi? <sup>64</sup>Kamu telah mendengar kata-kata kufur-Nya sendiri! Apakah pendapatmu?’

Lalu mereka semua menjatuhkan hukum ke atas-Nya, bahawa Dia patut dibunuh. <sup>65</sup>Kemudian sesetengah mereka mulai meludahi-Nya, membalut mata-Nya lalu memukul-Nya dan berkata kepada-Nya, ‘Bernubuatlah! Pengawal-pengawal pula menampar-Nya.